Mengukuhkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah


Oleh Faizal Jaafar, Mohd Hairi Mohd Tahir dan Nurlida Jasmin Ismail

Pengenalan

Syariah merupakan teras utama kewangan Islam yang menitikberatkan keadilan dan ketelusan dalam urus niaga kewangan Islam. Oleh itu, kegagalan mematuhi prinsip Syariah boleh menjejaskan kesahan dan penguatkuasaan urus niaga kewangan Islam, serta meningkatkan risiko kewangan dan bukan kewangan bagi institusi kewangan Islam. Misalnya, institusi kewangan Islam tidak boleh mengiktiraf pendapatan yang diperoleh daripada urus niaga yang tidak patuh Syariah. Hal sedemikian boleh menjejaskan daya tahan dan keteguhan sesebuah institusi kewangan Islam. Insiden tidak patuh Syariah pada peringkat yang lebih luas, boleh memberi kesan yang serius dan menjejaskan keyakinan terhadap kestabilan sektor kewangan Islam. Oleh yang demikian, pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang berkesan amat penting, seiring dengan perkembangan kewangan Islam yang menjadi komponen utama sistem kewangan domestik dan antarabangsa. Rencana ini membentangkan pendekatan Bank dan amalan institusi kewangan Islam dalam memupuk budaya risiko pematuhan Syariah yang berkesan.

Gambar Rajah 1

Faktor yang Menyebabkan Ketidakpatuhan Syariah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pematuhan Syariah di Malaysia

Seksyen 28 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 mengehendaki institusi kewangan Islam memastikan matlamat dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti kewangan Islam sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Pematuhan Syariah di Malaysia disokong oleh struktur tadbir urus dua peringkat, iaitu pada peringkat industri dan pada peringkat institusi. Tadbir urus ini dikukuhkan lagi dengan rangka kerja pengawalseliaan, penyeliaan dan fungsi kawalan institusi kewangan Islam.

a) Majlis Penasihat Syariah berpusat

Pada peringkat industri, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) merupakan pihak berkuasa tertinggi yang menentukan hukum Syarak bagi perniagaan kewangan Islam yang dijalankan oleh institusi yang dikawal selia oleh Bank. Meskipun Islam mengiktiraf kepelbagaian pentafsiran dan pendekatan dalam pelaksanaan *fiqh*, kewujudan pihak berkuasa berpusat adalah penting bagi memastikan ketetapan dan keseragaman dalam pentafsiran Syariah. Peranan MPS dalam memuktamadkan ketetapan Syariah bagi

kewangan Islam pada peringkat kebangsaan membolehkan sistem kewangan Islam dibangunkan secara teratur, sekali gus mengelakkan percanggahan tafsiran Syariah yang boleh menjejaskan keyakinan orang ramai dan mengakibatkan jurang dalam amalan pasaran.

b) Jawatankuasa Syariah pada peringkat institusi kewangan Islam

Pada peringkat institusi, setiap institusi kewangan Islam melantik jawatankuasa Syariah yang bertanggungjawab menasihati pihak pengurusan dan lembaga pengarah berhubung dengan perkara Syariah dalam semua aspek perniagaan, hal ehwal, amalan dan aktiviti institusi tersebut. Lazimnya, MPS membincangkan secara terperinci penggunaan prinsip Syariah tertentu serta implikasinya ke atas industri secara keseluruhan. Pada peringkat institusi pula, jawatankuasa Syariah memberikan tumpuan pada perbincangan Syariah yang khusus berhubung dengan institusi berkenaan. Isu yang dibincangkan termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan produk dan perkhidmatan yang khusus serta operasi perniagaan. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 150 orang cendekiawan Syariah tempatan dan antarabangsa yang telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa Syariah di 55 buah institusi kewangan.

c) Fungsi pengurusan risiko Syariah, penilaian Syariah dan audit Syariah

Peranan jawatankuasa Syariah disokong oleh fungsi kawalan dalaman tertentu, iaitu fungsi pengurusan risiko Syariah, penilaian Syariah dan audit Syariah. Fungsi-fungsi ini tidak terikat dengan operasi perniagaan dan bertanggungjawab untuk memberikan penilaian yang objektif serta jaminan terhadap keberkesanan pematuhan Syariah dan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah sesebuah institusi kewangan Islam. Pewujudan dan pengukuhan fungsi-fungsi kawalan ini dari semasa ke semasa memainkan peranan penting dalam menggalakkan budaya risiko pematuhan Syariah yang teguh dalam kalangan institusi kewangan Islam.

d) Rangka kerja kawal selia

Sejak tahun 2012, Bank telah mengeluarkan 14 Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi untuk menguatkuasakan keputusan MPS di samping menggalakkan pengurusan risiko yang berkesan dalam perniagaan kewangan Islam. Hal ini telah mendorong kepada penambahbaikan dasar dan proses dalaman institusi kewangan Islam untuk mengurus risiko ketidakpatuhan Syariah dalam hal ehwal perniagaan secara berkesan. Khususnya, piawaian pengawalseliaan telah memainkan peranan penting untuk mengurangkan risiko perundangan dan operasi yang berkaitan dengan individu dan sistem dalam pengoperasian dan inovasi produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Penilaian semula Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah diharap akan memperkukuh pelaksanaan tadbir urus Syariah dalam kalangan institusi. Rangka kerja ini menggariskan keperluan tertentu dalam memastikan pertimbangan Syariah diterapkan dalam strategi perniagaan dan risiko institusi kewangan Islam. Rangka kerja ini juga memperjelas peranan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah dan fungsi utama yang terlibat dalam mewujudkan budaya risiko pematuhan Syariah yang teguh. Selain itu, penekanan juga diberikan pada usaha mempertingkatkan kompetensi profesional dari segi pengetahuan Syariah dan penerapannya dalam kewangan Islam bagi individu yang bertanggungjawab menerajui peranan ini. Keperluan terhadap kebebasan dan kualiti fungsi kawalan bagi memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang berkesan turut dipertingkat dalam rangka kerja ini.

Pemerhatian ke atas Pematuhan Syariah

Penerapan Syariah mempunyai implikasi yang luas ke atas operasi sesebuah institusi – merangkumi amalan dan proses perniagaan serta perilaku pihak pengurusan kanan dan kakitangannya. Bahagian ini memberikan gambaran keseluruhan tentang pemerhatian ke atas amalan pematuhan Syariah dalam institusi kewangan Islam.

- Pada peringkat tertinggi, lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan menetapkan nada bagi budaya organisasi dan norma perilaku yang dikehendaki dalam memastikan pematuhan Syariah. Institusi kewangan Islam telah menunjukkan kecenderungan dalam menerapkan secara rasmi suatu set nilai dan tujuan bersama yang mencerminkan prinsip Syariah serta mendasari strategi perniagaan dan kesanggupan institusi-institusi ini mengambil risiko.

- Penekanan terhadap tanggungjawab pematuhan Syariah dan pengurusan risiko yang lebih menyeluruh kepada unit perniagaan dan kakitangannya mencerminkan pengukuhan pertahanan barisan pertama dalam mengurangkan risiko ketidakpatuhan Syariah. Langkah ini disusuli dengan tindakan memperkasa dan meletakkan akauntabiliti pada unit perniagaan, dengan penglibatan yang lebih meluas dalam mereka bentuk proses perniagaan dan kawalan dalaman bagi mengurus risiko ketidakpatuhan Syariah.

- Pertimbangan terhadap amalan yang memberi kesan kepada pematuhan Syariah sesebuah institusi kewangan Islam turut menjadi ciri utama rangka kerja insentif. Kebanyakan institusi kewangan Islam menerapkan sistem penalti dan ganjaran yang menghubungkaitkan ukuran prestasi dengan jangkaan pematuhan Syariah. Strategi ini bertujuan memperkukuh tumpuan kolektif organisasi bagi memastikan amalan patuh Syariah dilaksanakan dalam semua aspek perniagaan institusi kewangan Islam, dan seterusnya memupuk budaya risiko yang teguh dalam kalangan kakitangan.

- Institusi kewangan Islam kini mempergiat usaha ke arah membina teras pengetahuan Syariah yang kukuh dan penerapannya dalam kalangan pekerja. Amalan pengambilan pekerja dan penekanan dalam latihan dan pembangunan modal insan semakin dipertingkat. Tindakan ini didorong oleh tumpuan institusi kewangan Islam terhadap pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang lebih mantap, di samping kemahuan untuk memacu penawaran penyelesaian kewangan patuh Syariah yang lebih inovatif. Peningkatan tahap akauntabiliti jawatankuasa Syariah juga telah menggalakkan para cendekiawan Syariah yang dilantik menganggotai jawatankuasa ini supaya meningkatkan kemahiran mereka, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan operasi perniagaan dan amalan industri.

Secara kolektif, perkembangan ini telah menghasilkan keselarasan operasi, proses dan amalan perniagaan yang lebih menepati kehendak Syariah, dan seterusnya mengurangkan insiden ketidakpatuhan. Butiran lanjut berhubung dengan amalan dalam kalangan institusi kewangan Islam dihuraikan dalam Gambar Rajah 2.

Kesimpulan

Pada masa hadapan, Bank menjangkakan kemajuan yang berterusan bagi mengembangkan budaya risiko pematuhan Syariah secara bersepadu dan saling mengukuh dalam institusi kewangan Islam. Pembudayaan ini akan menjadi asas bagi pertumbuhan dan inovasi industri kewangan Islam, dan pada masa yang sama menyumbang kepada kestabilan kewangan domestik.

Selaras dengan prinsip Syariah, penerapan pengantaraan berasaskan nilai (*value-based intermediation*, VBI) akan meningkatkan tumpuan institusi kewangan Islam dalam memastikan produk, perkhidmatan dan amalan menghasilkan kesan yang positif dan mampan kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Peningkatan tumpuan terhadap strategi yang didorong oleh impak, disokong oleh tadbir urus yang kukuh, dijangka dapat diterapkan sepenuhnya dan disepadukan dalam amalan pengurusan risiko dan strategi inovasi produk institusi kewangan Islam (kemajuan pelaksanaan VBI diperincikan selanjutnya dalam Bab 2, bahagian Kewangan Islam). Pembangunan kad skor VBI dan amalan penzahiran akan membolehkan pihak berkepentingan membuat penilaian dengan lebih baik sama ada institusi tersebut mematuhi prinsip utama Syariah. Pembangunan kad skor VBI ini turut memastikan institusi kewangan Islam mencapai matlamat keseluruhan Syariah (*maqasid* Syariah) – iaitu memelihara dan memajukan kepentingan bersama masyarakat dengan mencegah kemudaratan dan memaksimumkan manfaat. Hal ini akan terus memperkukuh akauntabiliti, ketelusan dan integriti institusi kewangan Islam.

Gambar Rajah 2

Peningkatan Usaha Institusi Kewangan Islam untuk Memantapkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah

	Pemerhatian Terhadap Amalan	
Nada dari Atas	• Dasar dalaman mencerminkan prinsip Syariah serta memenuhi keperluan risiko yang berbeza dalam melaksanakan pelbagai kontrak Syariah	
	• Pertimbangan Syariah yang disepadukan dengan amalan pengoperasian perniagaan dan pengurusan risiko	> Sistem IT yang bersepadu memastikan proses pelaksanaan kontrak Syariah dipatuhi secara sistematik > Proses penilaian risiko yang teguh untuk mengenal pasti dan menerapkan risiko ketidakpatuhan Syariah di bawah ICAAP*, termasuk penentuan nilai risiko
	• Memantapkan perbincangan peringkat tinggi tentang Syariah dan pelaksanaannya dalam strategi perniagaan dan risiko	> Dialog setiap 6 bulan sekali antara lembaga pengarah dengan jawatankuasa Syariah untuk menyelesaikan isu strategik secara berkesan > Pelantikan cendekiawan Syariah sebagai ahli lembaga pengarah dalam 11 buah institusi dapat memupuk pemahaman yang lebih mendalam dalam kalangan ahli lembaga pengarah tentang hal ehwal Syariah
Akauntabiliti dan Komunikasi	• Peranan dan tanggungjawab yang jelas bagi semua unit dan kakitangan organisasi	> Pelantikan pegawai kanan yang bertanggungjawab untuk pengurusan harian hal ehwal Syariah
	• Perbincangan dan interaksi yang kerap dalam kalangan kakitangan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pematuhan Syariah	> Dialog mingguan/bulanan dalam kalangan kakitangan/pengurus cawangan bagi memupuk kesedaran tentang risiko ketidakpatuhan Syariah > Perkongsian amalan yang baik atau dapatan audit membuka peluang untuk belajar dan menambah baik proses
Pengurusan Prestasi	• Mendorong peningkatan prestasi bagi memastikan pematuhan Syariah	> Memperkenalkan mekanisme ganjaran untuk mencapai ketidakpatuhan Syariah sifar > Memperkenalkan pemantauan 'Pembeli Misteri' sebagai kaedah untuk menilai kompetensi barisan hadapan dalam mengendalikan urusan Syariah
		
Pembangunan Bakat	• Meningkatkan pemahaman tentang Syariah dan memastikan pencapaian kemahiran teknikal	> Amalan pelantikan ahli lembaga pengarah, pengurusan kanan atau pengambilan pekerja yang mengambil kira pengetahuan dan pengalaman calon dalam kewangan Islam dan Syariah > Meningkatkan pengetahuan menerusi program latihan berstruktur
		

Program Pembelajaran Berstruktur

Seramai 109 orang ahli lembaga pengarah telah menyempurnakan program Kewangan Islam untuk Lembaga Pengarah (*Islamic Finance for Board of Directors,* IF4Board) – Meningkatkan pemahaman para pengarah tentang prinsip Syariah yang dinamik dalam membentuk perniagaan kewangan Islam	Sebanyak 38% ahli jawatankuasa Syariah telah mendaftar dalam program Penasihat Syariah Bertauliah (*Certified Shariah Advisors,* CSA) pada tahun 2018 – Meningkatkan kompetensi jawatankuasa Syariah dalam pengetahuan praktikal berkaitan dengan Syariah dan bidang perniagaan	Lebih 2,000 orang kakitangan dari 39 buah institusi kewangan telah mendaftar untuk memperoleh kelayakan khusus dalam bidang kewangan Islam (AQIF, IQIF dan CQIF)** – Kelayakan tiga peringkat untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi pengamal kewangan Islam dalam bidang perbankan Islam, takaful, pasaran modal dan pengurusan kekayaan

* ICAAP - Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (*Internal Capital Adequacy Assessment Process)*

** AQIF - *Associate Qualification in Islamic Finance;* IQIF - *Intermediate Qualification in Islamic Finance;* dan CQIF - *Certified Qualification in Islamic Finance*

Sumber: Bank Negara Malaysia